



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 02/05

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DI CAMERON HIGHLAND

1. **Cameron Highland, 21 Mei 2024 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari** telah bertemu dan menyantuni veteran ATM di sekitar Cameron Highland menerusi **Program Veteran Madani (PVM) peringkat Negeri Pahang**. Program anjuran Kementerian Pertahanan bersama **Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM)** ini adalah merupakan salah satu fokus MADANI Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan Veteran ATM dan memastikan agenda kebajikan keluarga Veteran ATM sentiasa diutamakan.
2. PVM siri ini adalah buat pertama kalinya melibatkan **veteran dari kalangan orang asli**. Ia merangkumi lawatan kebajikan kepada **5 orang veteran** yang sedang sakit kronik dan uzur. Program ini menzhirkirkan komitmen kementerian untuk mendekati dan seterusnya menyantuni veteran ATM dari semua lapisan kaum. Selain bertanya khabar, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut berbesar hati menyerahkan bakul makanan, susu kesihatan, kit bantuan kebajikan, lampin pakai buang dan sumbangan wang tunai kepada setiap veteran yang diziarahi.
3. YB Adly juga telah berpeluang untuk berinteraksi dengan warga veteran menerusi **Sesi Dialog Timbalan Menteri Pertahanan bersama Veteran ATM Negeri Pahang**. Dalam masa yang sama beliau memanfaatkan peluang yang ada bagi memberi respon terus terhadap isu-isu yang dikemukakan serta menzhirkirkan komitmen bahawa cadangan yang baik akan diperhalusi di peringkat JHEV dan Kementerian demi manfaat veteran ATM pada masa hadapan. Sesi dialog Timbalan Menteri Pertahanan bersama persatuan-persatuan veteran ATM negeri Pahang telah diadakan di Kampung Orang Asli Kuala Boh dengan kehadiran ahli-ahli dari 11 buah persatuan veteran. Mengakhiri sesi dialog tersebut ialah sesi penyerahan **Bakul Rahmah** kepada seramai **100 orang veteran**.
4. Selaras dengan teras ke-6 Dasar Madani iaitu 'Insan', Kerajaan telah meningkatkan peruntukan JHEV ATM dari RM118 juta kepada RM244 juta pada tahun 2024. Peningkatan yang begitu ketara ini mampu memberi manfaat yang lebih luas kepada veteran ATM. Bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin, veteran ATM disaran untuk mendaftar dengan JHEV ATM serta persatuan-persatuan di lokaliti masing-masing. Veteran juga disaran untuk mengemaskini maklumat semasa melalui sistem VIBES 2.0. Ini bagi memastikan semua Skim Bantuan yang disediakan oleh JHEV ATM seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam dapat disalurkan kepada veteran yang berkelayakan secara teratur dan efektif.

5. Pada tahun ini, kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 juta. Sehingga 30 April 2024, seramai 28,828 veteran telah menerima faedah ini.
6. Inisiatif Peduli Veteran Madani (PVM) bertindak sebagai medan untuk Kementerian Pertahanan menyampaikan maklumat semasa dan peluang untuk veteran berinteraksi dan menyampaikan padangan secara langsung, sebagai usaha berterusan Kementerian untuk memperkasakan dasar kebijakan dan kesejahteraan veteran ATM. PVM menumpukan kepada 5 fokus iaitu kebijakan, kesihatan, perumahan, pendidikan, dan pemerkasaan ekonomi veteran. Justeru, melalui PVM, sumbangan kebijakan dapat disampaikan kepada veteran yang memerlukan. Insentif keusahawanan turut disampaikan kepada veteran yang memerlukan sebagai galakan untuk memperkasakan perniagaan mereka.
7. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PVM menerusi kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi-agensi yang berkaitan melalui siri lawatan kebijakan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.
8. Program lawatan ini turut diiringi Ketua Pengarah JHEV ATM; Mejaz Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Pahang; Mejaz Khairul Ashinar bin Azid @ Aziz TUDM serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Pahang. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM, Encik Muhammad Izzat Siraj** ditanian **017-965 3755** atau **Pegawai Staf 2 Media (Udara), Mejaz Ezrie Hanif bin Yusof TUDM** ditanian **017-2540477**.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 21 Mei 2024